بسم الله الرحمن

الرحيم

# PEMBUKTIAN JENAYAH ZINĀ DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KAJIAN PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**HAJAH HADIYATI BINTI HAJI ABDUL HADI**
**12MR106**

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi Ijazah
SARJANA UNDANG-UNDANG

Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

28 Ramadhan 1435 / 26 Julai 2014

# PENGESAHAN

**PEMBUKTIAN JENAYAH ZINĀ DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KAJIAN PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tesis Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi telah diluluskan oleh:

.................................................

Dr Sulaiman Dorloh
Penyelia

.................................................

Dr Sulaiman Dorloh
Pemangku Dekan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

.................................................

Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim
Pengarah
Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan

## PENGAKUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan ini saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil daripada kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Saya juga mengaku bahawa tajuk ini tidak pernah diserahkan atau serentak diserahkan secara keseluruhannya kepada mana-mana ijazah lain di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) atau institusi lain.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | |
| Nama | : | Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi |
| Nombor Pendaftaran | : | 12MR106 |
| Tarikh Penyerahan | : | 28 Ramadhan 1435 / 26 Julai 2014 |

## PENGAKUAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN SAKSAMA PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Hakcipta © 2014 Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi. Semua hakcipta terpelihara.

**PEMBUKTIAN JENAYAH ZINĀ DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KAJIAN PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Mana-mana bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini tidak boleh diterbitkan semula, tidak boleh disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta kecuali seperti yang disediakan di bawah:

1. Apa-apa bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan memberi penghargaan yang sepatutnya.

2. UNISSA atau perpustakaannya mempunyai hak untuk melakukan dan memindah salinan (cetak atau elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.

3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan semula dan membekal salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti-universiti dan perpustakaan-perpustakaan penyelidikan lain.

Disahkan oleh Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi.

Tandatangan: …………………………… Tarikh: 28 Ramadhan 1435 / 26 Julai 2014

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah dipanjatkan syukur yang tidak terhingga kepada Allāh Subaḥānahu Wa Taᶜāla dan RasulNya Nabi Muhammad Ṣallallāhu ᶜAlayhi Wasallam yang telah memberi ketabahan dan kesabaran kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya penulisan tesis ini merupakan salah satu cabaran akademik yang paling signifikan yang pernah saya hadapi. Tanpa sokongan, bantuan, galakan dan bimbingan daripada mereka yang terlibat dengan penulisan ini adalah sukar bagi saya untuk menyiapkan tesis ini.

Saya sangat berbesar hati merakamkan rasa penghormatan dan penghargaan yang mendalam kepada Penyelia tesis saya Dr Sulaiman Dorloh di atas motivasi, sokongan dan bimbingan yang berterusan serta kesabaran beliau di dalam memberi tunjuk ajar kepada saya di sepanjang penulisan tesis ini, meskipun beliau mempunyai banyak komitmen akademik yang lain. Kemajuan penulisan ini banyak bergantung kepada bimbingan dan kesabaran beliau. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Prof. Madya Dr Muhaimin Noordin Ayus yang telah meluangkan masa beliau memberikan pandangan di dalam satu isu perundangan yang agak kompleks di dalam penulisan ini.

Penghargaan dan terima kasih yang setingginya juga saya rakamkan kepada pegawai-pegawai yang telah saya temubual daripada pelbagai agensi dari Jabatan Pusat Sejarah, Mahkamah Syariah, Bahagian Pendakwaan Syarie, Bahagian Penguatkuasaan Agama dan Firma Guaman di atas kesudian mereka untuk ditemubual dengan meluangkan masa mereka yang sangat berharga, walaupun mereka mempunyai banyak komitmen kerja yang lain, kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian Pendakwaan Syarie dan Unit Perundangan Islam yang telah memberikan bantuan dan maklumat yang sangat berguna di dalam penulisan ini terutamanya Dayang Hajah Rosnita binti Hj Shamsuddin yang telah banyak memberi maklumat tentang undang-undang syariah terkini kepada saya, kepada rakan-rakan program sarjana yang juga banyak memberi bantuan dan maklumat yang sangat bermanfaat, serta kepada pegawai dan kakitangan di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pusat Sejarah dan Perpustakaan Islam Jabatan Mufti Kerajaan yang telah memberikan layanan dan kerjasama yang sangat menyenangkan. Walaupun nama mereka tidak dapat saya sebutkan satu persatu, namun kerjasama, bantuan dan sokongan mereka semua sangat saya hargai, di mana tanpa mereka kajian ini tidak akan berlaku.

Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah menganugerahkan biasiswa kepada saya untuk meneruskan pengajian saya di Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini. Semoga dengan kajian ini saya dapat meyumbangkan bakti kepada negara dan jabatan saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setulus kasih kepada semua ahli keluarga saya yang telah memberikan sokongan dan galakan serta memahami dengan tugas saya sebagai pelajar yang banyak mengambil masa keluarga dengan membuat kajian untuk menyiapkan tesis ini, terutama kepada suami saya, anak-anak yang dikasihi, ibu bapa dan adik beradik saya. Tanpa sokongan dan doa mereka kajian ini tidak akan memberi nilai apa-apa.

# ABSTRAK

## PEMBUKTIAN JENAYAH *ZINĀ* DALAM PERUNDANGAN ISLAM: KAJIAN PELAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kajian ini membincangkan mengenai pembuktian jenayah *zinā* di dalam perundangan Islam dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam. Dari segi hukuman, terdapat perbezaan hukuman bagi jenayah ini di dalam undang-undang Islam dan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini di Mahkamah Syariah, di mana berdasarkan undang-undang Islam hukuman jenayah *zinā* adalah secara *ḥadd*, iaitu rejam sehingga mati, sebatan dan buang negeri atau daerah. Manakala menurut undang-undang yang ditabdir oleh Mahkamah Syariah pula ianya hanya dikenakan hukuman secara *taʿzīr* dalam bentuk penjara dan denda sahaja. Oleh kerana kitab-kitab fiqh klasik yang membincangkan mengenai jenayah *zinā* ini hampir keseluruhannya membahaskan mengenai jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd*, keadaan ini telah menimbulkan pandangan yang berbeza daripada sesetengah pihak pelaksana undang-undang syariah di negara ini mengenai pembuktian jenayah *zinā*. Ada yang berpendapat bahawa pembuktian jenayah *zinā* adalah di tahap yang sama meskipun hukumannya berbeza, di mana kes *zinā* di Mahkamah Syariah yang hanya dihukum secara *taʿzīr* memerlukan tahap pembuktian yang sama sebagaimana jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd*. Kajian akan mengupas mengenai isu ini khususnya perbezaan antara *ḥudud* dan *taʿzīr* serta tahap pembuktian keduanya, pembuktian sebenar terhadap jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan *taʿzīr*, di samping akan mengkaji pelaksanaan kes *zinā* di Mahkamah Syariah. Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan sumber data primer iaitu temubual bersama para pelaksana undang-undang syariah yang terdiri daripada hakim syarie, pendakwa syarie, peguam syarie dan pegawai penguatkuasa agama, dan sumber data sekunder daripada kitab-kitab klasik, buku-buku kontemporari, jurnal, penghakiman mahkamah dan sebagainya. Dapatan daripada kajian telah mengenalpasti bahawa terdapat perbezaan di dalam membuktikan jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan yang dihukum secara *taʿzīr* dari segi *shahādah*, *iqrār*, *qarīnah*, *bayyinah*, pendapat pakar dan sebagainya. Selanjutnya, pengkaji telah mencadangkan supaya mempertimbangkan pandangan sebahagian *fuqahā'* dan ilmuan kontemporari masa kini yang membolehkan kaedah pembuktian *qarīnah* digunakan untuk membuktikan jenayah *zinā* yang dihukum secara *hadd* dengan melihat kepada kemampuan sains dan teknologi masa kini.

# ملخص البحث

## الإثبات على الزنا في الشريعة الإسلامية : دراسة عن تنفيذه في المحكمة الشرعية بدولة بروناي دار السلام

هذا البحث يناقش عن كيفية إثبات جريمة الزنا في الشريعة الإسلامية وتطبيقها في المحكمة الشرعية في بروناي دار السلام. من ناحية العقوبة، هناك فرق في العقوبة لهذه الجريمة في الشريعة الإسلامية والقوانين المعمول بها حاليا في المحكمة الشرعية، حيث أن عقوبة الزنا في الشريعة هي الحد، وهو الرجم والجلد والتغريب. بينما القانون الذي يطبّق من قبل المحكمة الشرعية يعاقب فقط بالتعزبر، أي بالسجن والغرامة. وقد وضح في كتب التراث الفقهية أن عقوبة جريمة الزنا هي الحد، وقد أدى هذا الوضع إلى وجهة نظر مختلفة من قبل بعض المسؤولين في تنفيذ قانون الشريعة في هذه البلاد حول إثبات جريمة الزنا. فبعض الناس يقولون إن إثبات جريمة الزنا يتطلب على نفس المستوى بالرغم من العقوبات المختلفة، وهي إما بالتعزبر أو بالحد. وهذا البحث سيبيّن هذه المسألة خصوصا الفرق بين الحد والتعزير ومرحلة إثباهما، وإثبات الأدلة في جريمة الزنا التي يحكم علبها بالحد أو التعزبر، بالإضافة إلى البحث عن كيفية تنفيذ عقوبة الزنا فى المحكمة الشرعية. وقد استخدمت الباحثة في سبيل جمع المعلومات المنهج الميداني وذلك بإجراء مقابلة مع بعض الجهات المعينة بتنفيذ الشريعة الإسلامية في بروناي دار السلام، كقضاة المحكمة الشرعية وأعضاء النيابة العامة والمحامين الشرعيين والشرطة الدينية، كما استخدمت المنهج المكتبي من خلال البحث عن مصادر الكتب التراثية، والكتب المعاصرة، والمجلات، والأحكام القضائية وهلم جرا. وقد توصلت في نتائج البحث إلى أن هناك فرقا في إثبات جريمة الزنا التي يعاقب عليها بالحد والتعزير من حيث الشهادة، والإقرار، والقرينة، والبينة، وآراء الخبراء وما شابه ذلك. وقد اقترحت الباحثة النظر إلى آراء بعض الفقهاء والعلماء المعاصرين مما يتيح استخدام القرينة لإثبات جريمة الزنا التي يعاقب عليها بالحد، والإستعانة بالتكنولوجيا الحديثة وما شابه ذلك.

# ABSTRACT


**MEANS OF PROVING *ZINĀ* UNDER ISLAMIC LAW:
A STUDY OF ITS IMPLEMENTATION IN THE SYARIAH COURTS OF BRUNEI DARUSSALAM**

This research examines the means of proving *zinā* under the Islamic Law and its implementation in the Syariah Courts of Brunei Darussalam. In respect of punishments, there are distinct differences between the punishments prescribed for the offence under Islamic Law and the punishments under the applicable law in the Syariah Courts; where according to Islamic Law, punishments for *zinā* involve *ḥadd* punishment which is stoning to death, whipping and being sent into exile (state or district). Whereas under the applicable law in the Syariah Courts, *zinā* offences are only punishable by *taᶜzīr*, either imprisonment or fine. Since most classic *fiqh* books have deliberated that *zinā* is punishable by *ḥadd*, several Islamic Law Practitioners in Brunei Darussalam had held different views concerning the means of proving *zinā*. Some are of the view that the burden of proof is still the same regardless whether *zinā* is punishable by *ḥadd* or *taᶜzīr*. This research will further exclusively analyze the issue regarding the differences between *ḥadd* and *taᶜzīr* together with their burden of proof and the real practice of proving *zinā* punishable by *ḥadd* and *taᶜzīr* in addition to the study of the implementation of carrying out punishments of *zinā* offence in the Syariah Courts. In conducting this research, researcher has applied primary data source where interviews are carried out with various law enforcement agencies involving Syar'ie Judge, Syar'ie Prosecutor, Syar'ie Lawyer and Syar'ie Law Enforcement Officers; and simultaneously has utilized secondary data source comprised of classic *fiqh* books, contemporary *fiqh* books, juornals, court judgments and others. The research findings has identified that there are apparent differences in proving *zinā* punishable by *ḥadd* and *zinā* punishable by *taᶜzīr*, in terms of *shahādah*, *iqrār*, *qarīnah*, *bayyinah*, expert's opinion and many more. Further, the researcher has proposed that the view of some classic Islamic jurists and comtemporary Islamic scholars that *qarīnah* can be used as primary evidence to prove *zinā* cases punishable by *ḥadd* be considered, taking into account the advance ability of science and technology nowadays.

# KANDUNGAN


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| Pengesahan | iii |
| Pengakuan | iv |
| Hakcipta | v |
| Penghargaan | vi |
| Abstrak | viii |
| ملخص البحث | ix |
| Abstract | x |
| Kandungan | xi |
| Senarai Rajah | xii |
| Senarai Kes | xiii |
| Transliterasi | xvii |
| Singkatan | xix |
| Pendahuluan | 1 |
| Bab I: | 13 |
| Bab II: | 89 |
| Bab III: | 155 |
| Bab IV: | 319 |
| Rumusan | 446 |

Bibliografi 455

# SENARAI RAJAH


| NOMBOR | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| Rajah 1 | Klasifikasi tahap pembuktian dan peratusnya di dalam undang-undang keterangan Islam | 26 |
| Rajah 2 | Hukuman bagi pelaku *zinā* di dalam perundangan Islam. | 64 |
| Rajah 3 | Hukuman ke atas pesalah persetubuhan luar nikah menurut undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini. | 86 |
| Rajah 4 | Klasifikasi jenayah *ḥudūd* pada pandangan *fuqahā'* | 94 |
| Rajah 5 | Hukuman-hukuman *ḥadd* yang telah ditetapkan bagi jenayah-jenayah *ḥudūd* tertentu | 101 |
| Rajah 6 | Hukuman-hukuman *ḥadd* yang telah ditetapkan bagi jenayah *ḥudūd* | 101, 102 |
| Rajah 7 | Jenis-jenis keraguan atau *shubhah* pada pandangan *fuqahā'* yang boleh menggugurkan hukuman *ḥadd.* | 121 |
| Rajah 8 | Syarat-syarat saksi semasa menyampaikan kesaksian | 216 |
| Rajah 9 | Syarat-syarat iqrār | 245 |
| Rajah 10 | Kaedah pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* | 259 |
| Rajah 11 | Perkara-perkara yang boleh menggugurkan *ḥadd zinā* daripada orang yang dituduh | 277 |
| Rajah 12 | Kronologi sejarah Undang-undang Islam dan penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam | 325 |
| Rajah 13 | Susunan hirarki Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam | 327 |
| Rajah 14 | Sumber undang-undang di Mahkamah Syariah | 340 |
| Rajah 15 | Proses pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 secara berfasa | 344 |
| Rajah 16 | Senarai antara undang-undang bertulis yang diguna pakai oleh Mahkamah Syariah | 346 |
| Rajah 17 | Carta alir kerja di Bahagian Pendakwaan Syarie | 392 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 18 | Carta alir perjalanan perbicaraan | 409 |
| Rajah 19 | Proses rayuan di Mahkamah Syariah | 414 |


## SENARAI KES


| NAMA KES | HALAMAN |
|---|---|
| **A** | |
| *Abdullah Zawawi lwn. PP* [1985] 2 MLJ 16 | 401 |
| *Awang Mohammad Satri bin Omar lwn. Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* [1967-1999] LUSB 60 | 347 |
| **C** | |
| *Chota bin Abdul Razak v PP* [1991] 3 MLJ 77 | 398 |
| **D** | |
| *Dayang Sri Sukaisih binti Parto Sewtono lwn Pendakwa Syarie* [Julai-Disember 2003] Jurnal Undang-Undang Syariah Brunei Darussalam 102-120 | 408 |
| **H** | |
| *Hajah Rose binti Haji Apong lwn. Haji Abdul Rahman bin Haji Hassan dan yang lainnya* [2004-2007] LUSB 115 | 338 |
| *Hajah Syarkiah binti Utal lwn. Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* [1967-1999] LUSB 49 | 76, 78, 309, 424 |
| *Haji Abd Kadir bin Muhyadin, Dayang Sri Sukaisih binti Parto Sewtono lwn. Pendakwa Syarie* [2001-2003] LUSB 209 | 408 |
| *Haji Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya DiGadong Seri Laila Dato Lela Utama Haji Mohd Yusof lwn. Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* [1967-1999] LUSB 9 | 292 |
| *Hanafiah bin Hj Awang Zaini lwn. Pg Hjh Rogayah binti PJN Pg Hj Abu Bakar* MTS/RM/BM 01/2009 | 338, 339, 351 |
| *Haw Tua Tau v PP* [1981] 2 MLJ 49 | 403 |
| *Hjh Norhainah bte Hj Awg Besar lwn. Pg Hj Besar bin Pg Hj Wahab dan lainnya* P/MTS/MAL/ 20/2007 | 339 |
| *Hj Rosli bin Hj Ibrahim lwn. Pendakwa Syarie* MTS/RJ/BM 03/2006 | 411 |
| **J** | |
| *Jafa bin Daud v. PP* [1981] 1 MLJ 315 | 406 |
| *Jainulffaddin bin Haji Ismail* [2001-2003] LUSB 63 | 355 |

| | |
|---|---|
| **L** | |
| *Lee Lee Cheng v Seow Peng Kwang* [1960] MLJ 1 | 336 |
| *Lian Kian Boon* [1991] 1 MLJ 5 | 398 |
| *Lim Kim Tjok v PP* [1978] 2 MLJ 94 | 383 |
| **M** | |
| *Mat v PP* [1963] MLJ 263 | 27 |
| *Md Suhardi bin Samsun Yusra v PP* [1999] JCBD 268 | 76 |
| *Miller v Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 | 27, 28 |
| *Mohammad bin Hassan v PP* [1998] 5 MLJ 65 | 398 |
| *Mohamed Yusof v PP* [1983] 2 MLJ 167 | 382 |
| *Muhammad bin Haji Alikhan lwn. Pendakwa Mahkamah-Mahkamah Kadi* [1967-1999] LUSB 19 | 291 |
| **P** | |
| *Pang Ah Chee v Chong Kwee Sang* [1985] 1 MLJ 153 | 37 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Abd Rahim bin Abdullah dan seorang lagi* MKB 43/1999 | 382 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Awg Latip bin Kurus* MKB/JEN/BM 88/1997 | 422 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Azmi bin Hj Tahir* MKB 6/1997 | 400 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. DP Abd Wahab dan seorang lagi* MKB 69/1991 | 369 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Hisam bin Lamat* MKB/154/1997 | 85 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Siti Surayani Abd Wahab dan seorang lagi* MKB/143/1997 | 274, 432 |
| *Pendakwa Mahkamah Kadi lwn. Mazalan bin Wahid* MKB/J/44/2000 | 79, 289 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Rosli bin Hj Ibrahim* MRHS/BM/J/13/2006 | 85 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Md Yunus dan seorang lagi* MTS/101/2000 | 211, 432 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Md Yunus dan seorang lagi* MRS/RJ/2/2004 | 212, 375, 383, 415, 425 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hassan bin Hj Hamid* MTS/JEN/BM 19/2010 | 211, 309, 429 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hjh Darul 'Ain binti Abdullah* | 248, 371, 385, 403, |

| | |
|---|---|
| MRHS/J/BM 223/2005 | 416, 431 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Sulastri Hj Basir dan seorang lagi* MRHS/69/2001 | 248, 385, 431, 432 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Sulastri Hj Basir* MTS/RJ/2/2002 | 249 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Pg Hj Metusin bin Pg Hashim* MTS/JEN/12/2007 | 254, 289, 291, 396, 423, 427, 430 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Sri Sukaisih binti Parto Sewtono* MTS/JEN/84/2000 | 291, 429 |
| *Pendakwa Syarie lawan Sajeed Shah bin Abdullah* MRHS/JEN/BM 56/2003 | 343, 366, 399 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Khairuddin bin Hj Abd Ghafor* MTS/JEN/36/2006 dan MRS/RJ/1/2009 | 309, 396 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Yusnee Hj Jambol dan dua orang lagi* MRHS/J/BM 177/2008 | 349 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Md Shahriaddin bin Md Bahanuddin dan seorang lagi* MRHS/JEN/BM 63/2006 | 348 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Shaliheen bin Hj Kassim dan seorang lagi* MRHS/JEN/KB 2/2008 | 376 |
| *Pendakwa Syarie lwn Kasim bin Kamsih dan seorang lagi* MRHS/J/BM 197 & 198/2013 | 397 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Zaimi bin Hj A.Zahri/ Azahari* MTS/J/BM 30/2009 | 397, 430 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Heny Maschuroh dan seorang lagi* MRHS/J/BM 51/2011 | 398 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Jasriman bin Johari dan seorang lagi* MRHS/J/BM 93 & 94/2011 | 398 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Kesuma bin Abdul dan seorang lagi* MRHS/J/BM 30 & 31/2011 | 400 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Mohammad Yusri bin Hj Selamat dan seorang lagi* MRHS/J/BM 134 & 135/2009 | 400 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Sumiyati Rowdi* MRHS/J/BM 64/2010 | 400 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Khalidkhan bin Hj Asmakhan dan seorang lagi* MRHS/J/BM 41/2006 | 402 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Mohd Vaedmarny Elleys bin Abdullah dan seorang lagi* MRHS/J/BM 83/2005 | 403 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Sjn. Tali bin Aspar dan seorang lagi* MTS/JEN/BM 25/2001 | 405 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Bagol bin Hj Momin dan seorang lagi* | 405, 436 |

| | |
|---|---|
| MTS/JEN/BM 80/1999 | 406 |
| *Pendakwa Syarie lwn. Hj Mohd Jamil dan seorang lagi* MRHS/JEN/TUT 16/2006 | 411 |
| *Pendakwa Syarie lwn Hj Assim bin Nasar dan Salbiah binti Emran* MTS/RJ/BM 04/2008 | 76 |
| *PP v Besar bin Ahmad* Intermediate Court Criminal Trial No.9 of 1993 | 384 |
| *PP lwn. Chan Choon Keong* [1989] 2 MLJ 427 | 384 |
| *PP v Chong Boo See* [1988] 1 CLJ 679 | 432 |
| *PP v Chong Boo See* [1988] 3 MLJ 292 | 76 |
| *PP v Khairul bin Haji Dagang* Intermediate Court Criminal Trial No.30 of 1994 | 384 |
| *PP v Law Say Seck & Ors.* [1971] 1 MLJ 199 | 76 |
| *PP v Mohd Tamin bin Hj Ahmad* Intermediate Court Criminal Trial No.34 of 1995 | 383 |
| *PP v Naikan* [1961] 1 MLJ 147 | 383 |
| *PP v Ramasamy a/l Sebastian* [1991] 1 MLJ 75 | 27 |
| *PP v Saimin* [1971] 2 MLJ 16 | 37 |
| *PP v Sharma Kumari* [2000] 6 MLJ 254 | 384 |
| *PP v Tang Gong Wai* [1985] 1 MLJ 355 | 384 |
| *PP v Vathumalai a/l Mahalingam* [2003] 1 MLJ 549 | 400 |
| *PP v Wan Mohd Helmi bin Sheh Hj Suhaili* Criminal Trial No.37 of 2004 | 76 |
| *PP v Ziziumiza bin Mohammad* High Court Criminal Trial No.5 of 1995 | |
| **S** | |
| *Suriyana binti Hj Abd Hamid lwn. Pendakwa Syarie* P/MTS/KMJ/BM 01/2007 | 269, 411 |

# TRANSLITERASI

1. Jadual Transliterasi:

| Arab | Roman | Contoh | Transliterasi |
|---|---|---|---|
| ء | ’ | فقهاء | fuqahā’ |
| ب | b | البخاري | al-Bukhārī |
| ت | t | الترمذي | al-Tirmidhī |
| ث | th | الحارث | al-Ḥārith |
| ج | j | الجرجاني | al-Jurjānī |
| ح | ḥ | حدود | Ḥudūd |
| خ | Kh | الخرشي | al-Kharshī |
| د | d | الدارقطني | al-Dāraquṭnī |
| ذ | dh | ذمي | Dhimmī |
| ر | r | الرملي | al-Ramlī |
| ز | z | الزحيلي | al-Zuḥaylī |
| س | s | السرخسي | al-Sarakhsī |
| ش | sh | الشافعي | al-Shāfiᶜī |
| ص | ṣ | الصنعاني | Al-Ṣanᶜānī |
| ض | ḍ | ضابط | Ḍābiṭ |
| ط | ṭ | الطبري | al-Ṭabarī |
| ظ | ẓ | ظاهر | Ẓāhir |
| ع | ᶜ | عودة | ᶜAwdah |
| غ | gh | الغزالي | al-Ghazālī |
| ف | f | فرحون | Farḥūn |
| ق | q | القرطبي | al-Qurṭubī |
| ك | k | الكاساني | al-Kāsānī |
| ل | l | لعان | Liᶜān |

| | | | |
|---|---|---|---|
| م | m | مالك | Mālik |
| ن | n | النسائي | al-Nasā’ī |
| هـ/ة | h | هارون/ شهادة | Hārūn / Shahādah |
| و | w | النووي | al-Nawawī |
| ي | y | بينة | Bayyinah |

2. Vowel Pendek:

| Arabic | Latin | Example | Transliteration |
|---|---|---|---|
| ـَ | a | كتِبَ | kutiba |
| □– | i | علِم | ᶜalima |
| ـُ | u | غُلب | ghuliba |

3. Vowel Panjang:

| Arabic | Latin | Example | Transliteration |
|---|---|---|---|
| ـَ ى / ا | ā | كبرَى / بَاب | bāb / kubrā |
| ي – | ī | وكيِل | wakīl |
| ـُو | ū | علوم | ᶜulūm |

4. Diphthong:

| Arabic | Latin | Example | Transliteration |
|---|---|---|---|
| ـَوْ | aw | قوْل | qawl |
| ـَيْ | ay | نيْل | nayl |
| يَ | iyy | شافعيَة | Shāfiᶜiyyah |
| وَ | uww | قوَة | quwwah |

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| All E.R | All England Law Reports |
| Bil. | Bilangan |
| BLR | Brunei Law Reports |
| BM | Brunei dan Muara |
| CLJ | Current Law Journal |
| DP | Dato Paduka |
| Dr. | Doktor |
| Ed. | Editor |
| ed. | Edisi |
| HC | High Court |
| Hj. | Haji |
| Hjh. | Hajah |
| hlm. | halaman |
| *ibid* | ion beam induced deposition |
| J | Jenayah |
| JAMBRAS | Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society |
| JCBD | Judgments of the Courts of Brunei Darussalam |
| JEN | Jenayah |
| Jil. | Jilid |
| KB | Kuala Belait |
| KDYMM | Kebawah Duli Yang Maha Mulia |
| LUSB | Laporan Undang-Undang Syariah Brunei |
| lwn. | lawan |
| MAL | Mal |
| MKB | Mahkamah Kadi Besar |
| MLJ | Malayan Law Journal |
| MRHS | Mahkamah Rendah Syariah |
| MRS | Mahkamah Rayuan Syariah |
| MTS | Mahkamah Tinggi Syariah |
| No. | Nombor |
| Ors. | Others |
| P | Permohonan |
| Pg. | Pengiran |
| PP | Public Prosecutor |
| PS | Pendakwa Syarie |
| R | Rex |
| RJ | Rayuan Jenayah |
| RM | Rayuan Mal |
| Sh.LR | Shariah Law Reports |
| SJ | Semakan Jenayah |

| | |
|---|---|
| TUT | Tutong |
| t.t | tiada tarikh / tiada tahun |
| v | versus |
| YDM | Yang DiMuliakan |
| YM | Yang Mulia |
| - | hingga / ke |
| % | peratus |
| ( ) | kurungan |
| / | atau |

# PENDAHULUAN

Segala pujian bagi Allāh *Subḥānhirzahu* Wa Taᶜālā Tuhan semesta alam yang memberi petunjuk kebenaran, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Ṣallalāhu ᶜAlayhi Wasallam serta keluarga dan sahabat-sahabat Baginda sekalian …

Pembuktian sangat penting di dalam melaksanakan keadilan di dalam suatu perbicaraan. Dengan adanya kewajipan pembuktian akan mengurangkan dakwaan-dakwaan yang bohong dan lemah. Seseorang juga tidak akan menuntut darah atau harta orang lain dengan sewenangnya. Prinsip umum ini tidak terkecuali di dalam pembuktian jenayah *zinā*. Malah para *fuqahā'* menetapkan syarat-syarat yang ketat di dalam pembuktian jenayah *zinā*, kerana jenayah *zinā* merupakan hak Allāh Subḥānahu Wa Taᶜālā yang telah ditetapkan hukumannya di dalam al-Qur'ān[1] dan ḥadīth Nabi Ṣallalāhu ᶜAlayhi Wasallam[2] dan merupakan salah satu daripada jenayah-jenayah *ḥudūd*. Namun, di Negara Brunei Darussalam setakat undang-undang yang berkuatkuasa pada hari ini, pemerintah hanya menetapkan hukuman jenayah *zinā* dengan hukuman yang berbentuk *taᶜzīr* sahaja iaitu penjara dan denda.[3]

Sebahagian pemutus undang-undang[4] memutuskan jenayah *zinā* hanya diterima dengan *iqrār* dan *bayyinah* sebagaimana yang dipersyaratkan dalam *bāb al-qaḍā* dan berpendapat bahawa yang membezakan antara *ḥudūd* dan *taᶜzīr* hanyalah dari segi hukuman sahaja, tiada kelonggaran-kelonggaran hukum syaraᶜ boleh dibuat meskipun Mahkamah Syariah adalah mahkamah *taᶜzīr*. Keputusan ini telah menimbulkan kecelaruan kepada pengamal undang-undang jenayah syariah khususnya pihak pendakwaan tentang tahap pembuktian jenayah *zinā* di Mahkamah Syariah.

---

[1] 100 sebatan bagi yang belum berkahwin. Al-Nūr. 24:2.

[2] Rejam sehingga mati bagi yang sudah berkahwin. Lihat: Al-Bukhārī. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed.Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir. Ed.1. (t.tp): Dār Ṭūq al-Najāh. Jil.8. hlm.165. 6814. (Ṣaḥīḥ).

[3] Di bawah bab 178 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77. Bab 178(3) menetapkan hukuman bagi lelaki penjara selama 5 tahun dan bagi perempuan penjara selama satu tahun. Bab 178(4) menetapkan hukuman bagi lelaki dan perempuan penjara selama 6 bulan atau denda sebanyak $5,000.

[4] Di dalam kes Mahkamah Rayuan Syariah bil. MRS/RJ/2/2004.

Keadaan ini telah mendorong saya, dengan bertawakkal kepada Allāh Subḥānahu Wa Taᶜālā jua, untuk membuat kajian ini dengan harapan supaya hasil kajian ini akan dapat mendedahkan tentang perbezaaan di antara pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan yang dihukum secara *taᶜzīr*, kerana melihat kepada jenayah *zinā* yang berleluasa di negara ini[5] dibandingkan dengan zaman Rasūlullāh Ṣallalāhu ᶜAlayhi Wasallam lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu. Apatah lagi jenayah *zinā* ini lazimnya dilakukan secara bersembunyi oleh pelakunya tanpa dapat disaksikan oleh empat orang saksi yang adil.

## 1.0 **Skop kajian**.

Kajian ini hanya terhad kepada jenayah *zinā* yang ditafsirkan di bawah bab 2 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77[6] sahaja dan kajian pelaksanaannya hanya tertumpu kepada pelaksanaan di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam sahaja.

## 1.1 **Masalah kajian**.

Masalah atau isu utama yang akan dibuat kajian adalah:

1.1.1 Perbezaan antara *ḥudūd* dan *taᶜzīr* dan tahap pembuktian keduanya.

1.1.2 Pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan *taᶜzīr*.

1.1.3 Pelaksanaan kes *zinā* di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

## 1.2 **Soalan-soalan kajian**.

1.2.1 Apa perbezaan antara *ḥudūd* dan *taᶜzīr* dan sejauhmana tahap pembuktiannya?

1.2.2 Bagaimana membuktikan jenayah *zinā* yang dihukum dengan *ḥadd* dan *taᶜzīr*?

---

[5] Menurut statistik yang dibuat oleh Bahagian Pendakwaan Syarie dari tahun 2007-2011, sebanyak 689 kes persetubuhan luar nikah telah diterima oleh Bahagian Pendakwaan; Menurut penghakiman Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara di dalam kes bil. MRHS/BM/J/13/2006, seramai 778 orang anak luar nikah telah dilahirkan sepanjang 6 tahun dari tahun 1997 hingga 2003.

[6] 2. "*persetubuhan luar nikah*" bermakna persetubuhan yang tidak dijumlah kepada rogol di antara mana-mana lelaki dan mana-mana perempuan yang bukan isterinya atau yang ditegah oleh hukum syarak untuk dikahwininya.

1.2.3 Bagaimana prosedur pelaksanaan kes *zinā* di hadapan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam?

## 1.3 **Objektif kajian**.

1.3.1 Mengenal pasti perbezaan antara *ḥudūd* dan *taᶜzīr* dan tahap pembuktian keduanya.

1.3.2 Mengkaji tentang pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan yang dihukum secara *taᶜzīr*.

1.3.3 Membincangkan tentang pelaksanaan kes *zinā* di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam dari segi undang-undang, prosedur, pembuktian dan amalannya.

1.3.4 Memberi rumusan dan cadangan mengenai pembuktian jenayah *zinā* dan pelaksanaan undang-undang syariah di Negara Brunei Darussalam.

## 1.4 **Kajian dahulu**.

Kajian dahulu tentang pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* telah banyak dibincangkan di dalam kitab-kitab fiqh klasik mahupun semasa. Penulis, berdasarkan pengetahuan yang terbatas, tidak mendapati kajian atau buku yang membahaskan secara khusus tentang pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *taᶜzir* dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam. Bagaimanapun, penulis ada mendapati kajian akademik dan beberapa buku yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, antaranya seperti berikut:

1.4.1 ***Muhgnī al-Muḥtāj ilā Maᶜrifah Maᶜānī Alfāẓ al-Minhāj***, ditulis oleh Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī.[7] Penulis di dalam buku ini membincangkan tentang jenayah *zinā* secara terperinci yang meliputi pengertian *zinā*, syarat-syarat diwajibkan *ḥadd zinā*, hukuman jenayah *zinā*, kaedah pembuktiannya, cara-cara pelaksanaan hukuman dan sebagainya. Namun, perbincangan ini

[7] Al-Sharbīnī, Muḥammad al-Khatīb. (t.t). *Mughnī al-Muḥtāj ilā Maᶜrifah Maᶜānī Alfāẓ al-Minhāj.* Beirut: Dār al-Fikr. Jil.4. hlm.143-155.

hanya tertumpu kepada jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* sahaja. Kajian ini akan membincangkan juga tentang pengertian *zinā* dari persfektif perundangan yang berkuatkuasa pada masa ini dan kaedah pembuktiannya di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

1.4.2 ***Badā'iᶜ al-Ṣanā'iᶜ fī Tartīb al-Sharā'iᶜ***, hasil tulisan al-Kāsānī.[8] Di dalam buku ini penulis membincangkan tentang jenayah *zinā* di dalam kitab *al-ḥudūd*. Perbincangan ini berkisar mengenai pengertian *zinā*, sebab-sebab diwajibkan *ḥadd zinā*, hukuman jenayah *zinā*, perbuatan *zinā* yang patut dihukum secara *taᶜzīr* dan kaedah pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd*. Selain itu, penulis juga ada menerangkan secara ringkas tentang kaedah pembuktian di dalam kes-kes *taᶜzīr*, namun tidak khusus di dalam jenayah *zinā*. Kajian ini akan meluaskan lagi perbincangan tentang kaedah pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *taᶜzīr*.

1.4.3 ***Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl***, tulisan al-Kharshī.[9] Penulis di dalam buku ini memperkatakan mengenai jenayah *zinā* dengan agak terperinci yang menyentuh tentang pengertian *zinā*, kaedah pembuktiannya, hukuman, cara-cara pelaksanaan hukuman dan tidak ketinggalan menyebutkan beberapa perbuatan seksual yang tidak patut dikenakan hukuman *ḥadd*. Namun, secara keseluruhannya perbincangan hanya berkisar tentang jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd*. Kajian ini juga akan membincangkan tentang jenayah *zinā* yang dihukum secara *taᶜzīr*.

1.4.4 ***Al-Mughnī wa al-Sharḥ al-Kabīr***, ditulis oleh Ibn Qudāmah.[10] Menerusi buku ini penulis membincangkan secara terperinci tentang jenayah *zinā* dari segi hakikat dan maksudnya, hukuman, pelaksanaan hukuman, syarat-syarat al-iḥṣān dan kaedah pembuktiannya, kaedah pembuktian jenayah *zinā* yang

---

[8] Al-Kāsānī. (1986). *Badā'iᶜ al-Ṣanā'iᶜ fī Tartīb al-Sharā'iᶜ*. ed.2. t.tp.: Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah. Jil.7. hlm.33-39, 46-52, 65.
[9] Al-Kharshī. (t.t). *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil.8. hlm.74-84.
[10] Ibn Qudāmah. (t.t). *Al-Mughnī wa al-Sharḥ al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah. Jil.10. hlm.119-198.

dihukum secara *ḥadd* dan sebagainya. Kajian ini akan menerangkan pula tentang kedudukan jenayah *zinā* di dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam dan kaedah pembuktiannya.

1.4.5 ***Al-Tashrīᶜ Al-Jinā'ī Al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Waḍᶜī***, tulisan ᶜAbd al-Qādir ᶜAwdah.[11] Penulis di dalam buku ini menjelaskan tentang kedudukan jenayah *zinā* di dalam syarak dan undang-undang, elemen jenayah *zinā*, hukuman dan cara-cara pelaksanaan hukuman, kaedah pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan kaedah pembuktian kes-kes yang dihukum secara *taᶜzīr*. Bagaimanapun, penulis tidak menjelaskan secara terperinci tentang pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *taᶜzīr*. Kajian ini akan menerangkan secara khusus tentang pembuktian jenayah *zinā* yang dihukum secara *taᶜzīr* dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam.

1.4.6 ***Al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Sharᶜiyyah***, hasil karya tulisan Ibn Qayyim al-Jawziyyah.[12] Di dalam tulisan ini penulis membincangkan secara terperinci tentang kaedah-kaedah pembuktian di dalam undang-undang keterangan Islam dan meluaskannya lagi tanpa batasan. Meskipun demikian, penulis tidak menghuraikan secara khusus dan terperinci tentang kaedah pembuktian terhadap jenayah *zinā*. Kajian ini akan membahaskan mengenai kaedah pembuktian terhadap jenayah *zinā* yang dihukum secara *ḥadd* dan *taᶜzīr*.

1.4.7 ***Undang-Undang Jenayah Islam***, tulisan Paizah Haji Ismail.[13] Di dalam buku ini penulis membincangkan tentang jenayah *zinā* dari aspek definisi, elemen kesalahan, hukuman dan kaedah pembuktian. Bagaimanapun, perbincangan ini

---

[11] ᶜAbd al-Qādir ᶜAwdah. (1993). *Al-Tashrīᶜ Al-Jinā'ī Al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Waḍᶜī*. ed.12. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. Jil.2. hlm.346-454.
[12] Ibn Qayyim. (2002). *Al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Sharᶜiyyah*. t.tp.: al-Maktab al-Islāmī.
[13] Paizah Haji Ismail. (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam.* ed.5. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd. hlm.173-193.

